

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 06 OGOS 2020

KERATAN AKHBAR

Lori disyaki buang bahan kimia di Sungai Batang Labu

NILAI - Sebuah lori yang disyaki menjalankan kegiatan haram pembuangan sisa kimia di Sungai Batang Labu, berhampiran Pekan Nilai ditahan malam kelmarin.

Exco Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar, S Veerapan berkata, kehadiran lori terbabit di lokasi kejadian kira-kira jam 11 malam itu menimbulkan rasa curiga dan disedari pekerja di sebuah kedai tekstil di situ yang kemudian memaklumkan kepada seorang Ahli Majlis Bandaraya Seremban sebelum aduan lanjut dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan.

Katanya, kegiatan itu juga berjaya dirakam dengan beberapa lelaki disyaki membuang bahan sisa

terjadual secara haram ke dalam longkang monsun yang mengalir ke Sungai Batang Labu, di belakang sebuah kedai pada tengah malam.

"Kita masih tunggu laporan penuh daripada JAS bagi mengenal pasti bahan kimia dibuang ke dalam sungai itu. Jika benar berlaku pembuangan sisa kimia, kita akan ambil tindakan terhadap pihak berkenaan.

"Maklumat syarikat dan individu terlibat sudah diperolehi berdasarkan maklumat awal pengadu dan tindakan lanjut akan diambil sebaik laporan penuh siap," katanya.



VEERAPAN

Melalui maklumat diterima katanya, bahan petroleum tersebut telah mengalir sehingga ke Loji Air Labu dan operasi pam air di kawasan itu dihentikan pada jam 12.55 pagi.

Katanya, Loji Air Salak Tinggi bersedia untuk ditutup operasi bergantung kepada keadaan air.

"Sampel air sungai diambil untuk pemeriksaan lanjut dan laporan kejadian dimaklumkan kepada Syarikat Bekalan Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor untuk tindakan kerana air sungai tersebut mengalir ke Selangor," katanya.